

Langkah cergaskan pasaran disokong

KUALA LUMPUR: Pengenalan sebarang peraturan yang menghalang syarikat tersenarai di Bursa Malaysia daripada diambil alih atau dijadikan firma persendirian, akan mengurangkan minat syarikat untuk disenaraikan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, pengenalan peraturan seperti itu juga tidak membantu mencergaskan pasaran dan dagangan saham di Bursa Malaysia selain menjejaskan minat pelabur.

"Pasaran saham wujud antara lain adalah untuk syarikat merealisasikan nilai mereka dan bagi pelabur memperoleh keuntungan daripada pelaburan.

"Oleh itu, pasaran mesti memberi laluan kepada aktiviti korporat, umpamanya pengambilalihan dan percantuman yang boleh meningkatkan nilai syarikat tersenarai. Ia dapat membantu pasaran lebih cergas," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis terhadap la-

pan soalan dikemukakan Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang mengenai Maxis Communications Bhd (Maxis) yang dicadangkan dijadikan syarikat persendirian.

Mereka bertanyakan alasan kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) membenarkan syarikat gergasi telekomunikasi itu dijadikan syarikat persendirian.

Perdana Menteri berkata, syarat menentukan pemilikan ekuiti berada dalam tanggungjawab kementerian atau agensi pelesenan dan apabila sesebuah syarikat diswastakan, perubahan dalam pemilikan ekuiti tertakluk kepada syarat ditetapkan Kementerian atau agensi berkenaan.

Katanya, kajian *The Edge Financial Daily* menunjukkan harga 17 tawaran tunai syarikat awam adalah 21 peratus lebih tinggi daripada harga seminggu sebelum penggantungan saham syarikat berkenaan.

Malah Abdullah berkata, pada minggu selepas pengumuman Maxis

itu, harga saham DiGi dan TM (Telekom Malaysia) serta saham lain berkaitan indeks meningkat apabila pelabur mula mengubah suai portfolio masing-masing.

Beliau berkata, hasil tawaran pengambilalihan kebiasaannya mengalir semula ke pasaran oleh pelabur Malaysia dan antarabangsa yang terus berminat mengekalkan peg-

“Pasaran saham wujud antara lain untuk syarikat merealisasikan nilai mereka dan bagi pelabur memperoleh keuntungan daripada pelaburan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ngan aset dalam pasaran modal.

"Selain itu, pihak membuat pemerolehan berkemungkinan mengambil peluang ke atas pasaran bon dan sistem perbankan Malaysia bagi membiaya tawaran pengambilalihan.

"Dalam konteks ini, persekitaran kadar faedah yang rendah pada masa ini menggalakkan penjana pembiayaan daripada pasaran bon. Oleh itu bida pengambilalihan akan turut membantu menggalakkan pertumbuhan pasaran bon negara," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, bukti yang menyokong dakwaan tindakan menjadikan syarikat tersenarai sebagai firma persendirian menyebabkan aliran keluar dana daripada pasaran domestik, amat sedikit.

"Pelabur juga boleh menolak sekiranya mereka berasa tawaran itu tidak menarik. Kerajaan pula akan memastikan tawaran itu adil bagi pelabur minoriti, mematuhi undang-undang dan peraturan sekuriti serta syarikat melaksanakan tadbir urus yang baik," katanya.